

# Kertas Bil. 18/2019



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT  
PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
YANG KEEMPAT BELAS  
PADA 18 - 22 MAC DAN 25 MAC 2019**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
PEMBASMIAN KEMISKINAN  
(JPK- PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERHUBUNG PENYELARASAN PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN  
KERTAS BILANGAN 4/2019**

---

**MAKLUMBALAS KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR KE6/2019 BERKAITAN PENYATA  
JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN BERKENAAN SISTEM eKASIH**

BIL	SARANAN	MAKLUMBALAS
i.	<p>Perluasan skop pengumpulan data eKasih meliputi pekerja lading dan orang Asli bagi memudahkan pengagihan bantuan kepada golongan sasaran.</p>	<p>Sistem eKasih merekodkan golongan miskin di Malaysia yang berpendapatan per kapita kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa. PGK ini berasaskan kepada formula perkiraan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan juga Jabatan Perangkaan Malaysia.</p> <p>Golongan miskin yang layak berdaftar dengan Sistem eKasih turut meliputi pekerja ladang yang tidak mempunyai pentadbiran sendiri (contohnya FELDA) serta orang Asli yang tinggal di luar kawasan perkampungan Orang Asli yang tidak dikawalselia oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).</p> <p>Skop eKasih tidak meliputi kawasan FELDA dan kawasan yang dikawalselia oleh JAKOA kerana kawasan-kawasan tersebut masing-masing diliputi oleh FELDA dan JAKOA.</p> <p>Walaupun demikian, pekerja ladang persendirian yang layak boleh memohon untuk mendaftarkan dengan eKasih dan mekanisme proses verifikasi sedang dibincangkan antara Kerajaan Negeri dan PPN Selangor.</p>
ii.	<p>ICU JPM perlu mewujudkan lebih banyak kategori pendapatan dengan mengambilkira data golongan berpendapatan RM2,000.00, RM3,000.00 dan RM4,000.00 dan ke bawah bagi memudahkan penyaluran bantuan sedia ada.</p> <p>Sekiranya ICU JPM tidak dapat meluaskan skop data eKasih, Kerajaan negeri Selangor perlu mewujudkan pengkalan data sendiri.</p>	<p>Sistem eKasih merupakan satu pengkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kepada kategori Miskin Tegar atau Miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa. PGK miskin nasional semasa ialah RM980 yang dikeluarkan oleh MEA.</p> <p>Oleh yang demikian, ia berbeza dengan data golongan berpendapatan rendah yang berpendapatan RM2,000, RM3,000 dan RM4,000 yang lebih</p>

merujuk kepada golongan isi rumah 40% terendah atau lebih dikenali sebagai B40. Skop eKasih adalah sebagai pengkalan data untuk mendaftar golongan miskin (yang digunakan untuk menyalurkan bantuan) dan bukan pengkalan data B40.

Sistem eKasih mempunyai maklumat pendapatan Ketua Isi Rumah (KIR) dan pendapatan kesemua ahli isi rumah (AIR) bagi memudahkan rujukan agensi pemberi bantuan menyalurkan bantuan mengikut keperluan mengikut kriteria tertentu.



Y.B. TUAN GABABIRAU AL YERMAN  
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)  
SELANGOR DARUL EHSAN